

hliis perlu bertindak:

30 JUL 2002

Oleh Mutazar Abd Ghani

BUTTERWORTH, Isnin — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan polis mengambil tindakan terhadap penceramah Pas yang mendakwa kononnya Perdana Menteri menon-ton video lucah hersama cucunya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tindakan perlu diambil terhadap mereka terbabit kerana ia tuduhan biadap dan keterlaluan.

"Saya fikir polis perlu ambil tindakan...nampak-

nya mereka (Pas) begitu bersungguh-sungguh hendakkan rakyat benci Perdana Menteri, tapi saya percaya rakyat yang jauh lebih ramai bilangannya tetap menyayangi Perdana Menteri.

"Cuma goiongan yang cemburu dan tak suka kepada Perdana Menteri saja yang membuat cerita bukan-bukan terhadap beliau," katanya selepas melancarkan Program Perkongsian Bijak Dalam Bidang Peruncitan (Pros-

per) dan perasmian Kedai RM2.COM di Pacific Megal Mall, Prai, petang ini.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata demikian ketika menngulas tindakan penceramah Pas, Bunyamin Yaacob menuduh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berbuat demikian dalam satu ceramah anjuran parti itu. Klip video ceramah itu disiarkan di televisyen oleh RTM.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengambil tindakan tegas bagi mengawal ceramah seumpama

itu, Abdullah berkata, ceramah memang tidak boleh diadakan tanpa permit.

"Undang-undang (mengenai ceramah) memang ada, yang perlunya undang-undang itu dikuatkuasakan, itu saja..." katanya.

Ditanya sama ada kerajaan bercadang melanjutkan tempoh program pengampunan terhadap pendatang tanpa izin yang berakhir Rabu ini kerana ramai yang belum berbuat demikian, beliau berkata:

"Belum lagi. Saya sudah arahkan Ketua Setiausaha

Pak Lah

Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Seri Aseh Che Mat untuk menghubungi pihak tertentu, termasuk majikan seperti Persatuan Binaan Malaysia yang mewakili industri pembinaan.

"Sebenarnya dah banyak kumpulan yang mewakili majikan menghubungi KDN untuk beritahu masalah yang mereka hadapi pada waktu ini. KDN akan menemui mereka dan berusaha mengatasi masalah itu," katanya.

Selain itu, katanya, Aseh

akan memaklumkan kepada beliau sama ada tempoh program dilanjutkan atau sebaliknya.

Mengulas kes dua rakyat Malaysia yang didakwa terbabit dalam pengedaran DVD cetak rompak dan dijatuhi hukuman oleh mahkamah Australia, Abdullah berkata, beliau sudah meminta Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Mohd Salleh Mat Som menghubungi polis Australia bagi membantu siasatan.

Terdahulu, dalam ucapannya, Abdullah ber-

kata, sejak beroperasi kira-kira dua tahun lalu, Prosper meluluskan 216 projek dengan kos keseluruhan RM60.7 juta.

Daripada jumlah itu, 139 usahawan berjaya diwujudkan dan menjalankan perniagaan, manakala selebihnya dalam proses akhir pengubahsuaian premis.

"Prosper berharap dapat mewujudkan sekurang-kurangnya 200 usahawan Bumiputera dalam bidang peruncitan sebelum akhir tahun ini," katanya.